

# **Aurat Wanita: Konsep dan Hukum Mengenainya**

**Paizah Hj Ismail \***

## **Abstract**

*This article analyses the concept of aurat applicable to Muslim women in their social life involving non-muhram. Reference has been made to the verses of al-Quran and the prophet traditions as well as the views of the classical Muslim jurists. The finding shows that there are some disagreements between Muslim scholars in some details of application which gives some rooms to everybody or society to apply the theory according to their own situation.*

## **Pendahuluan**

Masalah aurat wanita merupakan suatu tajuk perbincangan yang besar dan memakan ruang yang banyak. Ia merangkumi konsep aurat itu sendiri, batas-batas yang ditentukan, sama ada dalam sembahyang atau dalam kehidupan biasa. Bahkan perbincangan tentang aurat dalam kehidupan biasa akan merangkumi pula keadaan yang bermacam-macam, seperti sewaktu berada seorang diri di tempat tertutup atau di dalam gelap, di hadapan muhram, bersama perempuan muslim, bersama perempuan bukan Islam dan akhirnya di hadapan lelaki bukan muhram.

Selain itu terdapat persoalan-persoalan lain lagi yang berkaitan seperti masalah aurat dalam keadaan darurat (*al-Darūrat*), konsep berpakaian dan berhias dan sebagainya.

Artikel ini tidak merangkumi semua persoalan-persoalan tersebut. Ia hanya merangkumi perbincangan tentang konsep aurat wanita itu sendiri dan apakah batas-

---

\* Prof. Madya (Datin Dr.) di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

batasnya sewaktu berada di hadapan lelaki bukan muhram. Tujuannya ialah untuk mengelak perbincangannya menjadi terlalu panjang dan sesuai pula dengan apa yang lebih penting dihuraikan.

## Konsep Aurat

Perkataan aurat dalam bahasa Melayu berasal daripada perkataan yang sama, iaitu “aurat” dalam bahasa Arab. Dari segi bahasa ia mempunyai pengertian yang banyak. Antaranya ialah “kemaluan” (*al-Sau’at*).<sup>1</sup>

Kata Ibn al-Athīr, pengertian asal bagi perkataan “*al-Sau’at*” ialah kemaluan wanita (*al-Farj*). Kemudian ia memberi erti apa sahaja yang memalukan apabila berlaku sama ada dalam bentuk kata-kata atau perbuatan.<sup>2</sup> Kata al-Laith, ia bererti kemaluan lelaki atau perempuan.<sup>3</sup> Kerana itu dalam al-Quran disebut فَبَدْتْ هُمَا سَوْءَاتٍ هُمَا<sup>4</sup> yang merujuk kepada kemaluan Adam dan Hawa. Mengikut al-Laith lagi, berdasarkan pengertian itu perkataan *al-Sau’at* ini digunakan bagi memberi erti apa sahaja perbuatan atau perkara yang memalukan.<sup>5</sup>

Kata Abdul Qādir al-Rāzī, sehubungan dengan pengertian di atas, perkataan *al-‘Aurat* kemudiannya digunakan juga bagi erti apa sahaja yang manusia merasa malu untuk memperlihatkan kepada orang.<sup>6</sup>

Antara pengertian lain bagi perkataan “aurat” ialah sesuatu yang perlu ditutup,<sup>7</sup> sesuatu yang kurang dan hodoh,<sup>8</sup> tempat-tempat kelemahan yang mungkin disusupi oleh musuh<sup>9</sup> dan banyak lagi.

Suatu rumusan yang boleh dibuat berdasarkan kepada keterangan di atas ialah bahawa perkataan aurat (*al-Aurat*) dalam bahasa Arab mempunyai dua pengertian. Pertamanya, pengertian khusus, iaitu kemaluan (*al-Sau’at*) dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Keduanya ialah pengertian umum, iaitu termasuk apa sahaja yang dinilai sebagai kurang menyenangkan untuk dilihat atau diketahui orang.

<sup>1</sup> Ibnu Manzūr (1990), *Lisān al-‘Arab*. Jld. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 616.

<sup>2</sup> *Ibid.*, Jld. 1, h. 97.

<sup>3</sup> *Ibid.*

<sup>4</sup> Surah Taha (121): 20.

<sup>5</sup> Ibnu Manzūr, *op.cit.*, Jld. 1, h. 97.

<sup>6</sup> Abdul-Qadir al-Razi (t.t.), *Mukhtār al-Ṣahāh*. Qāhirah: Dār al-Hadīth, h. 461.

<sup>7</sup> Ibnu Manzūr, *op.cit.*, Jld. 4, h. 616.

<sup>8</sup> Majma‘ al-Lughah (1970), *al-Mu‘jam al-Wasiṭ*. Jld. 2. Qāhirah: Dār al-Syu‘ūn al-Dīniyah, h. 236.

<sup>9</sup> Ibnu Manzūr, *op.cit.*, Jld. 4, h. 616.

Dalam al-Quran perkataan “aurat” ini disebut sebanyak empat kali. Satu kali merujuk kepada kemaluuan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, iaitu dalam firman Allah:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا  
يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلِيَضْرِبَنَّ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُبُوْرِهِنَّ  
وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إِبَآبَاهِنَّ أَوْ إِبَاءَبَاءَ  
بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَبَنَاءَبَاهِنَّ أَوْ أَبَنَاءَبَاءَبَاهِنَّ أَوْ إِحْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِيَ  
إِحْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِيَ أَحْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَاءِبَاهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَنَهُنَّ أَوْ  
الثَّنَاعِيْنَ غَيْرِ أُولَيِ الْإِرْبَةِ مِنْ الْرِّجَالِ أَوْ الْطِّفْلِ الَّذِيْنَ لَمْ  
يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوَرَاتِ النِّسَاءِ

Yang bermaksud:

“Katakanlah kepada wanita yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka atau putera-putera suami mereka atau saudara-saudara mereka atau putera-putera saudara lelaki mereka atau putera-putera saudara perempuan mereka atau wanita-wanita Islam atau hamba-hamba yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat wanita.” [al-Nûr (24): 31]

Satu kali merujuk kepada masa atau keadaan yang boleh memalukan, iaitu dalam firman Allah:

يَتَائِيْهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا لِيَسْتَعِذُنُكُمُ الَّذِيْنَ مَلَكَتْ أَيْمَنُكُمْ وَالَّذِيْنَ  
لَمْ يَبْلُغُوا الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَثَ مَرَّاتٍ مِنْ قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ  
تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِنْ الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعِشَاءِ ثَلَثُ عَوَرَاتٍ  
لَكُمْ

Yang bermaksud:

*“Hai orang yang beriman, hendaklah budak-budak (lelaki dan wanita) yang kamu miliki dan mereka yang belum baligh di antara kamu, meminta izin kepada kamu tiga kali (dalam satu hari) iaitu sebelum sembahyang subuh ketika kamu menanggalkan pakaian (luar) mu, di tengahari dan sesudah sembahyang isyak (itulah) tiga aurat bagi kamu.”* [al-Nūr (24): 58]

Sementara dua kali lagi dalam ayat yang sama merujuk kepada tempat kelemahan yang mungkin berlaku pencerobohan melaluinya. Firman Allah:

وَإِذْ قَالَتْ طَآرِفَةٌ مِّنْهُمْ يَتَاهَلَّ يَرِبَّ لَا مُقَامَ لَكُمْ فَارْجِعُوْا  
وَيَسْتَعْذِذُنُ فَرِيقٌ مِّنْهُمُ الَّذِي يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِيَ بِعَوْرَةٍ  
إِنْ يُرِيدُونَ إِلَّا فَرَارًا



Yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) ketika segolongan di antara mereka berkata: Hai penduduk Yathrib (Madinah) tidak ada tempat bagimu, maka kembalilah kamu. Dan sebahagian dari mereka minta izin kepada Nabi (untuk kembali pulang) dengan berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami terbuka (tidak ada penjaga). Dan rumah-rumah itu sekali-sekali tidak terbuka. Mereka tidak lain hanyalah hendak lari.”* [al-Ahzāb (33): 13]

Sementara dalam hadis-hadis Rasulullah s.a.w. pula, perkataan ini kerap digunakan bagi pengertian “aurat” secara fizikal. Walau bagaimanapun, kadangkala ia memberi erti yang lebih umum daripada itu, iaitu apa sahaja kekurangan atau perkara yang boleh memalukan, sama ada yang bersifat fizikal atau moral. Bagi pengertian secara fizikal pula, ia merujuk bukan sahaja kepada “kemaluan” tetapi juga anggota-anggota tubuh lain, terutama antara pusat dan lutut. Antara contoh hadis yang menyebut “aurat” dalam pengertian seperti itu ialah:

### فخذ المرأة المسلمة عورة

Yang bermaksud:

*“Paha seseorang muslim itu aurat”.*

[Hadis riwayat Ahmad]

Antara hadis-hadis yang menyebut perkataan ini bagi pengertian yang luas, termasuk hal-hal moral pula ialah:

من ستر مؤمننا في الدنيا على عوره ستره الله عز وجل يوم القيمة (رواوه  
أحمد)

Yang bermaksud:

“*Sesiapa yang di dunia ini menutup kemaluan mana-mana orang Islam, Allah akan melindunginya (daripada apa-apa yang memalukan) di hari kiamat.*” [Hadis riwayat Ahmад]

Berasaskan kepada penggunaan dalam al-Quran dan al-Sunnah di atas, iaitu dari segi penggunaan biasa perkataan “aurat” mempunyai dua pengertian. Pertamanya, pengertian-pengertian khusus, iaitu “kemaluan” dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya secara fizikal. Keduanya, pengertian umum, iaitu apa sahaja yang dilihat sebagai kurang menyenangkan kalau terdedah kepada orang lain, baik yang bersifat fizikal maupun moral.

### Aurat Sebagai Satu Istilah

Sebagai satu istilah dalam Syariah Islam “aurat” boleh disifatkan sebagai bahagian tubuh yang perlu ditutup dan tidak didedahkan kepada pandangan orang. Walau bagaimanapun, ini bukanlah definisi yang diberikan secara teknikal oleh para fuqaha. Kerana dalam kitab-kitab klasik tidak ada definisi aurat yang diberikan, sama ada dalam kitab-kitab tafsir, kitab-kitab syarah hadis ataupun kitab-kitab fiqh.

Ketiadaan definisi khusus ini mungkin kerana pengertiannya sangat jelas dan tidak perlu didefinisikan lagi. Lagipun dalam kitab-kitab fiqh,uraian tentang aurat itu tidak dibuat dalam bab yang tersendiri. Ia hanya dihuraikan dalam bab sembahyang sebagai masalah sampingan.<sup>10</sup>

Kesimpulan seperti di atas terdapat dalam sebuah buku karangan semasa, iaitu yang ditulis oleh al-Syeikh Mamduh Mahmud ‘Abd al-Rahman dalam buku beliau *al-Zinah wa al-Jamāl Fi Mīzān al-Islām*.<sup>11</sup> Mengikut beliau, definisi tersebut bersumberkan kitab *Fiqh al-Sunnah* karangan Sayyid Sābiq. Walau bagaimanapun, setelah diteliti definisi sepertimana yang disebut itu, tidak ada dalam kitab berkenaan.<sup>12</sup> Mungkin apa yang dimaksudkan oleh beliau bukan definisi itu sendiri, tetapi konsep yang menjadi asas kepada definisi yang diberikan oleh beliau. Ini memandangkan terdapat tafsiran terhadap istilah “Zinah” dalam ayat al-Quran ”**خُذُوا زِينَةً مَّعَنِي**“<sup>13</sup> dengan erti “menutup aurat”.<sup>14</sup>

<sup>10</sup> Lihat misalnya: Ibn Qudāmah (1994), *al-Muğhnī*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, Jld. 1, h. 410; al-Nawawī (2001), *al-Majmu‘*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-Islāmī, Jld. 3, h. 119, Ibnu Rusyd (2002), *Bidāyat al-Mujtahid*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 109.

<sup>11</sup> Qaherah: Maktabah al-Zahrā’, 1996, h. 61.

<sup>12</sup> Lihat: Sayyid Sābiq (1977), *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Fikr, Jld. 1, h. 106.

<sup>13</sup> Al-A‘rāf (7): 31.

<sup>14</sup> Mamduh Maḥmud ‘Abd al-Rahman, *op.cit.*

Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah konsep aurat itu sendiri dan bukan definisi secara teknikal mengenainya. Ia merupakan suatu yang jelas berasaskan pengertian-pengertian yang ada dalam al-Quran dan al-Sunnah, iaitulah sepetimana yang disebut di atas. Berasaskan kepada konsep berkenaan, apa yang dimaksudkan dengan aurat wanita dalam artikel ini ialah bahagian tubuh wanita yang perlu ditutup dan tidak boleh dilihat oleh orang lain. Walau bagaimanapun, huraian-huraian selanjutnya mungkin boleh memperincikan lagi konsep ini.

### Keterangan-keterangan Daripada al-Quran dan al-Sunnah

Nas paling asas yang menyebut tentang keperluan menutup aurat ialah firman Allah:

يَبْنَىٰ إِلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَرِّي سَوءَاتِكُمْ وَرِيشًا

Yang bermaksud:

*“Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian untuk menutup auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan.”*

[al-A‘rāf (7): 26]

Kata al-Qurtubī, ayat ini adalah dalil kepada hukum wajib menutup aurat kerana di dalamnya ada menyebut “untuk menutupi auratmu”.<sup>15</sup> Kata al-Syaukānī, maksudnya Allah telah mencipta pakaian bagi umat manusia bagi menutup aurat yang telah dipamerkan oleh iblis pada diri Adam dan Hawa.<sup>16</sup>

Satu nas lain ialah firman Allah s.w.t.:

\* يَبْنَىٰ إِلَيْكُمْ حُذُورًا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ \*

Yang bermaksud:

*“Hai anak Adam, pakailah pakaian kamu yang indah di setiap (memasuki) masjid.”*

[al-A‘rāf (7): 31]

<sup>15</sup> Al-Qurtubī, *op.cit.*, Jld. 7, h. 182. Lihat juga: al-Tabarī, *op.cit.*, Jld. 5, h. 455.

<sup>16</sup> Al-Syaukānī (t.t.), *Fath al-Qādir*. Beirūt: ‘Alam al-Kutub, Jld. 2, h. 197.

Kata al-Qurtubī<sup>17</sup> dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*, Ibn ‘Abbas meriwayatkan ada seorang perempuan telah melakukan tawaf di Ka’bah dengan secara bertelanjang. Kata al-Qadi Ibn ‘Iyadh perempuan tersebut bernama Dhuba‘ah binti ‘Amir Ibn Qurt. Dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* juga Hisyam Ibn ‘Urwah meriwayatkan daripada bapanya bahawa amalan melakukan tawaf secara bertelanjang ini adalah kebiasaan semua orang Arab, kecuali dari suku Quraisy. Ayat ini diturunkan untuk membatalkan amalan seperti ini.

Mengikut al-Qurtubī lagi,<sup>18</sup> ayat ini menjadi dalil kepada hukum wajib menutup aurat. Jumhur berpendapat ia khusus bagi hukum menutup aurat sewaktu bersembahyang. Kata al-Abhari, ia bukan khusus bagi sembahyang, tetapi dalam semua keadaan, sama ada di dalam atau di luar sembahyang.

Pandangan yang sama juga disebut oleh Ibn al-‘Arabi<sup>19</sup> dan al-Syaukānī.<sup>20</sup> Tetapi al-Kayaharrasī<sup>21</sup> berpendapat ayat ini sekadar bertujuan untuk menerangkan hukum memuliakan masjid dan perbuatan-perbuatan yang berkaitan dengannya dan tidak ada sangkut paut dengan soal kewajipan menutup aurat, sama ada di dalam atau di luar sembahyang.

Dalam hadis Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا ينظِرُ الرَّجُلُ إِلَى عُورَةِ الرَّجُلِ وَلَا امْرَأٌ إِلَى عُورَةِ الْمَرْأَةِ (رواه مسلم)  
والترمذنی وابن ماجه وأحمد

Yang bermaksud:

“Orang lelaki tidak boleh memandang kepada aurat lelaki dan orang perempuan tidak boleh melihat kepada aurat orang perempuan.”  
[Diriwayatkan oleh Muslim, al-Tirmidhi, Ibn Mājah dan Ahmad Ibn Hanbal]

Kata al-Imām al-Nawawi<sup>22</sup> ketika mengulas hadis di atas, hadis ini jelas menunjukkan haram lelaki melihat aurat lelaki dan perempuan melihat aurat perempuan. Sementara hukum haram lelaki melihat aurat wanita dan haram wanita melihat aurat lelaki sabit melalui ijma’.

<sup>17</sup> Al-Qurtubī, *op.cit.*, Jld. 7, h. 189.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 190.

<sup>19</sup> Ibn al-A‘rabi, *op.cit.*, Jld. 2, hh. 767-768.

<sup>20</sup> Al-Syaukānī, *op.cit.*, Jld. 2, h. 200.

<sup>21</sup> Al-Kayaharrasī, *Aḥkām al-Qurān*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Jld. 3, h. 135.

<sup>22</sup> Al-Nawawi (1981), *Ṣaḥīḥ Muslim Bi Syarḥ al-Nawawi*. Qāhirah: Dār al-Fikr, Jld. 3, h. 30.

Selain daripada itu terdapat banyak lagi hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang menyebut tentang keperluan menutup aurat secara umum, sama ada di kalangan lelaki atau perempuan.<sup>23</sup> Semuanya ini menunjukkan masalah aurat merupakan masalah yang sangat penting dalam Islam, bukan sahaja berkaitan dengan soal ibadat, seperti sembahyang, tetapi juga dalam kehidupan umum.

Mengenai aurat wanita secara khusus, ayat 31 surah al-Nūr yang telah disebut sebelum ini adalah jelas. Firman Allah s.w.t:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَخَفِظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا  
يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جِيُوبِهِنَّ  
وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلِتِهِنَّ أَوْ إَبَابِهِنَّ أَوْ إَبَاءِ  
بُعْوَلِتِهِنَّ أَوْ أَبَابِهِنَّ أَوْ أَبَاءِ بُعْوَلِتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي  
إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخْوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ  
الْتَّبَاعِيَنَ غَيْرِ أُولَئِكَ الْأَرْبَةِ مِنْ أَرْجَالِهِنَّ أَوْ الْطِفْلِ الَّذِيْنَ لَمْ  
يَظْهِرُوا عَلَىٰ عَوَزِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا تُخْفِينَ  
مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أُلْهِمَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ  
**تُفْلِحُونَ**

Yang bermaksud:

*"Katakanlah kepada wanita yang beriman. Hendaklah mereka menahan pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka, dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dada mereka dan janganlah menampakkan perhiasan mereka kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau wanita-wanita Islam, atau hamba sahaya yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki*

<sup>23</sup> Lihat: A.J. Wensinch & J.P. Mensing (1986), *al-Mu'jam al-Mufahras Li Alfāz al-Qurān*. Istanbul: Dār al-Da'wah, Jld. 4, hh. 432-433.

*mereka agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.”* [al-Nūr (24): 31]

Kata Ibn Kathīr,<sup>24</sup> ini adalah perintah Tuhan ke atas wanita-wanita Islam bagi menjaga perasaan suami mereka dan bagi membezakan mereka daripada sifat perempuan jahiliah dan kelakuan perempuan musyrik.

Mengikut beliau lagi, sebab turun ayat ini ialah, sepertimana yang diriwayatkan oleh Jabir Ibn Abdullah al-Anṣārī bahawa Asa' binti Murthid adalah seorang wanita yang mempunyai kedudukan di kalangan Bani Ḥāarithah. Kerana itu, ramai para wanita datang menemuinya. Apabila beliau melihat mereka tidak berpakaian lengkap, sampai ternampak gelang-gelang kaki mereka, dan dada-dada mereka pula terdedah beliau berkata: “Alangkah buruknya pandangan seperti itu”. Allah lalu menurunkan ayat ini.<sup>25</sup>

### Batas-batas Aurat

Persoalan utama yang timbul berkait dengan kewajipan menutup aurat ini ialah anggota mana daripada badan wanita itu yang dikatakan aurat dan perlu ditutup?

Kata al-Qurṭubī dalam menghuraikan ayat 26 surah al-A‘raf, aurat perempuan adalah kesemua tubuh badannya kecuali muka dan dua tapak tangan sahaja.<sup>26</sup> Walau bagaimanapun, beliau mengakui itu hanya pandangan golongan terbanyak para ulama sahaja.<sup>27</sup> Ertinya, tidak berlaku ijma’ tentang hukum seperti itu.

Bagi beliau, sebab tidak berlaku ijma’ dalam masalah ini ialah kerana ada pandangan yang mengatakan aurat perempuan adalah semua tubuhnya. Antara mereka yang berpendapat seperti ini, mengikut beliau ialah Abū Bakr Ab. Rahmān Ibn al-Ḥāarith Ibn Hisyām dan Aḥmad Ibn Ḥanbal, mengikut satu riwayat mengenai pandangannya.<sup>28</sup>

Bagi menyokong pandangan beliau itu, al-Qurṭubī berhujah dengan hadis Rasulullah s.a.w. yang berbunyi: ”*من أراد أن يتزوج امرأة فلينظر إلى وجهها وكفيها*” yang bermaksud: “Sesiapa yang mahu mengahwini mana-mana perempuan dia hendaklah melihat muka dan dua tapak tangannya”. Lagipun, kata beliau, muka dan

<sup>24</sup> Ibnu Kathīr (1993), *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīz*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, Jld. 3, h. 293.

<sup>25</sup> *Ibid.*, h. 294.

<sup>26</sup> Al-Qurṭubī, *op.cit.*, Jld. 7, h. 183.

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*

dua tapak tangan wajib dibuka sewaktu berpakaian ihram. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua anggota itu bukannya aurat.<sup>29</sup>

Dalam mentafsirkan perkataan “إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا” dalam ayat 31 surat al-Nūr di atas pula, al-Qurtubī menyebut berbagai-bagai pendapat tentang apa yang dimaksudkan sebagai “kecuali yang (biasa) nampak daripadanya” itu. Kata beliau, Ibnu Mas‘ūd berpendapat maksudnya pakaian. Sa‘id Ibn Jubair, ‘Atā’ dan al-Auzā‘ī pula berpendapat, muka, dua tapak tangan dan pakaian. Ibn ‘Abbās, Qatādah dan al-Miswar Ibn Makhramah pula berpendapat celak, gelang, inai dan tangan sehingga separuh lengan, subang dan cincin.<sup>30</sup>

Mengikut al-Qurtubī lagi,<sup>31</sup> pendapat yang mengatakan separuh lengan juga termasuk dalam maksud apa yang biasa nampak itu ialah hadis ‘Aisyah r.a. yang menyebut Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا يَحِلُّ لِامْرَأَةٍ تَوْمَنْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ إِذَا عَرَكَتْ إِنْ تَظَهَرَ إِلَّا وَجْهُهَا  
وَيَدِيهَا هَا هِنَا – وَقَبْضُ عَلَى نَصْفِ النَّدْرَاعِ

Yang bermaksud:

*“Tidak halal bagi mana-mana perempuan yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, apabila sudah mengalami haid, untuk menampakkan kecuali muka, dan dua tangan sehingga ke sini.” Baginda lalu menggenggam atas separuh lengan”.*

Beliau seterusnya<sup>32</sup> menukilkan pendapat Ibn ‘Atiyah yang mengatakan bahawa lafaz-lafaz ayat berkenaan menunjukkan bahawa perempuan di arahkan supaya tidak menampakkan perhiasannya dan perlu sentiasa berusaha menyembunyikannya kecuali yang biasa nampak dalam pergerakan tubuh yang perlu. Dalam kadar itu, mereka dimaafkan.

Walau bagaimanapun, beliau akhirnya menegaskan pandangan beliau sendiri, iaitu yang dimaksudkan ialah muka dan dua tapak tangan. Kerana dua anggota itu sahalah yang biasa nampak sama ada dalam kehidupan harian ataupun dalam ibadat, misalnya sembahyang dan haji. Kerana itu pengecualian berkenaan sesuai merujuk kepada dua bahagian anggota itu.

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> *Ibid.*, Jld. 12, h. 228.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 229.

<sup>32</sup> *Ibid.*

Sebagai dalil kepada pandangan beliau itu al-Qurtubi<sup>33</sup> menyebut hadis riwayat Abū Dāud daripada ‘Aisyah r.a. bahawa Asmā’ binti Abī Bakr datang menemui Rasulullah dengan berpakaian nipsis. Rasulullah berpaling daripadanya seraya bersabda:

يَا أَسْمَاءَ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْعِيْضَ لَمْ يَصْلَحُ أَنْ يُرَى إِلَّا هَذَا - وَأَشَارَ إِلَى

وجهه وكفيه

Yang bermaksud:

“Wahai Asma’, perempuan yang sudah mengalami haid tidak boleh dilihat kecuali ini”. Baginda menunjuk kepada muka dan dua tapak tangan Baginda.

Tambah al-Qurtubi lagi,<sup>34</sup> pandangan beliau itu lebih halusi dan berhati-hati, malah juga mengambil kira keadaan semasa yang tidak baik. Untuk itu adalah perlu bagi perempuan tidak menampakkan apa-apa kecuali muka dan dua tapak tangannya sahaja. Sehubungan dengan itu, beliau menyebut pendapat Ibn Khuaizi-Mandad yang mengatakan, kalau perempuan itu cantik dan pendedahan muka dan dua tapak tangannya boleh menimbulkan fitnah, dia wajib menutup kedua-duanya. Tetapi kalau sebaliknya dia sudah tua atau hodoh dia boleh menampakkan muka dan dua tapak tangannya.

Ibn al-‘Arabi<sup>35</sup> juga membincangkan hal yang sama iaitu pandangan-pandangan para ulama zaman awal Islam seperti Ibn Mas‘ūd, Ibn ‘Abbās dan sebagainya. Sepertimana juga al-Qurtubi, beliau mencapai satu kesimpulan bahawa aurat wanita itu ialah seluruh tubuhnya, kecuali muka dan dua tapak tangan. Alasan yang dikemukakan oleh beliau juga adalah sama.

Bagi al-Kayaharrasi,<sup>36</sup> maksudnya apa yang perlu dilihat, misalnya apa yang lahir seperti pakaian, batu permata, gelang dan cincin, iaitu tidak jauh daripada pandangan-pandangan yang dibincangkan oleh al-Qurtubi dan Ibn al-‘Arabi.

Menurut al-Jaṣṣāṣ<sup>37</sup> pula, selepas menghuraikan pandangan-pandangan para fuqaha awal Islam, sepertimana yang dilakukan oleh al-Qurtubi dan Ibn al-‘Arabi membuat kesimpulan bahawa yang dimaksudkan ialah muka dan tapak tangan. Asas yang dipegang oleh beliau ialah kedua-dua anggota tersebut tidak ditutup pada waktu

<sup>33</sup> Ibid.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Ibn al-‘Arabi, *op.cit.*, Jld. 3, h. 1368.

<sup>36</sup> Al-Kayaharrasi, *op.cit.*, Jld. 4, h. 312.

<sup>37</sup> Al-Jaṣṣāṣ (1993), *Aḥkām al-Qurān*. Beirut: Dār al-Fikr, Jld. 3, h. 460.

menunaikan sembahyang. Hujah beliau, kalau kedua-dua anggota itu aurat tentu sekali ia perlu ditutup dalam sembahyang sepetimana anggota-anggota badan yang lain juga.

Beliau selanjutnya menolak pandangan Ibn Mas‘ūd yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan ialah pakaian sahaja. Kata beliau, ia tidak memberi apa-apa erti (kepada pengecualian berkenaan). Kata beliau lagi, apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan “perhiasan” (*al-Zīnat*) dalam ayat tersebut bukan alat perhiasan itu sendiri, tetapi anggota badan di mana perhiasan itu ada. Kerana perhiasan itu sendiri, biar apapun sahaja bentuknya boleh dilihat oleh lelaki kalau bukan dipakai oleh perempuan.<sup>38</sup>

Selepas menghuraikan pandangan-pandangan yang berbeza-beza di kalangan para fuqaha zaman awal Islam dalam masalah berkenaan, al-Syaukānī membuat satu komentar yang menarik. Kata beliau, adalah jelas struktur ayat tersebut mengarah kepada larangan menampakkan perhiasan kecuali yang boleh nampak, seperti jubah, purdah dan sebagainya. Ia tidak termasuk barang-barang perhiasan yang dipakai di tangan dan di kaki. Walaupun yang dimaksudkan dengan “perhiasan” (*al-Zīnat*) itu ialah bahagian anggota di mana ia dipakai, perkecualian hanyalah merujuk kepada anggota yang amat sukar ditutup oleh perempuan, seperti dua tapak tangan dan dua tapak kaki dan seumpamanya.<sup>39</sup>

Asas-asas dan pandangan-pandangan yang dibincangkan dalam kitab-kitab *Tafsīr Ahkām* sepetimana di atas adalah terdapat dalam kitab-kitab *Tafsīr bi al-Ma’thūr*. Ibn Kathir<sup>40</sup> misalnya selepas menghuraikan yang dimaksudkan sebagai “apa yang lahir daripadanya” itu ialah apa sahaja yang tidak boleh disembunyikan telah membentangkan pandangan-pandangan para ulama zaman awal Islam, seperti Ibn Mas‘ūd, al-Hasan Ibn Sirin, Abū al-Jauza’ dan Ibrāhīm al-Nakha‘ī. Begitu juga Sa’id Ibn Jubir, Ibn Umar, ‘Ata’, Ikrimah dan ramai lagi.

Begitu juga al-Tabarī,<sup>41</sup> beliau telah menyebut dengan panjang lebar pandangan-pandangan para ulama zaman awal Islam dalam hal berkenaan. Beliau kemudiannya membuat kesimpulan bahawa pendapat yang mengatakan “muka dan dua tapak tangan” itu yang dirujuk dalam pengecualian berkenaan, adalah lebih wajar diterima. Ini termasuklah celak, cincin, gelang dan inai sekiranya terpakai di situ. Alasan yang diberikan ialah kedua-dua anggota tersebut tidak perlu ditutup dalam sembahyang sedangkan jelas dalam sembahyang aurat mesti ditutup.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 451.

<sup>39</sup> Al-Syaukānī, *op.cit.* Jld. 4, h. 23.

<sup>40</sup> Ibnu Kathir, *op.cit.*, Jld. 3, h. 294.

<sup>41</sup> Al-Tabarī, *op.cit.*, Jld. 9, hh. 303-306.

Walau bagaimanapun, beliau mengakui riwayat yang mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. mengharuskan perempuan mendedahkan tangannya sampai ke separuh lengan sebagai satu yang sabit. Kerana itu, ia boleh dimasukkan dalam pengecualian berkenaan.<sup>42</sup>

### Pandangan Para Fuqaha

Ibn Rusyd dalam kitabnya *Bidāyat al-Mujtahid*<sup>43</sup> menyebut para fuqaha berbeza pendapat tentang aurat wanita. Kata beliau, jumhur ulama berpendapat seluruh tubuh wanita itu aurat kecuali muka dan dua tapak tangan. Abu Ḥanīfah pula berpendapat kaki bukan aurat. Sementara Ahmad Ibn Ḥanbal berpendapat semua tubuh wanita itu aurat tanpa kecuali.

Sebab berlakunya perbezaan pendapat seperti itu ialah kerana perbezaan pendapat dalam mentafsirkan firman Allah:

وَلَا يُبَدِّيْنَ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Yang bermaksud:

“Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali yang (biasa) nampak darinya.” [al-Nūr (24): 31]

Persoalan yang timbul ialah apakah yang dikecualikan itu anggota tertentu atau mana-mana sahaja anggota yang tidak dapat dikawal daripada ternampak. Bagi mereka yang berpendapat maksudnya anggota yang tidak dapat dikawal daripada ternampak pada waktu bergerak, berpendapat aurat wanita itu seluruh badannya. Sedangkan mereka yang berpendapat maksudnya anggota badan yang biasanya tidak ditutup berpendapat yang dikecualikan itu ialah muka dan dua tapak tangan.<sup>44</sup>

Ibnu Qudāmah, dalam kitab *al-Mughnī*<sup>45</sup> pula menyebut hal yang sama. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyebut secara jelas bahawa yang berpendapat semua tubuh wanita itu aurat ialah al-Imām Ahmad Ibn Ḥanbal. Beliau sebaliknya menyebut: “Dan sesetengah ulama mazhab kita (Hanbali) berkata: “Malah kemudiannya menyebut itu adalah pandangan Abū Bakr al-Harith Ibn Hisyām.”

<sup>42</sup> *Ibid.*, h. 306.

<sup>43</sup> Ibnu Rusyd (2002), *Bidāyat al-Mujtahid*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 110.

<sup>44</sup> *Ibid.*

<sup>45</sup> Ibnu Qudāmah (1994), *al-Mughnī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Jld. 1, h. 416.

Al-Syaukānī dalam *Nail al-Auṭār*,<sup>46</sup> pula menyebut Abū Ḥanīfah juga dalam satu riwayat lain berpendapat kaki wanita termasuk dalam aurat. Beliau juga menyebut bahawa Ahmad Ibn Ḥanbal dalam satu riwayat lain mengecualikan muka. Begitu juga pandangan Daūd al-Zāhirī. Sementara mereka yang berpendapat kaki bukan aurat termasuk al-Imam al-Thawri.

Al-Dimisyqī pula dalam kitabnya *Rahmat al-Ummah Fī Ikhtilāf al-A'immah*<sup>47</sup> menyebut hanya ada dua riwayat sahaja daripada Ahmad Ibn Ḥanbal. Pertamanya, iaitu yang paling masyhur mengecualikan muka, dan keduanya, sama seperti jumhur, mengecualikan muka dan dua tapak tangan.

Kenyataan-kenyataan yang berbeza-beza daripada kitab-kitab Fiqh Perbandingan ini menimbulkan satu persoalan tentang pandangan sebenar setengah Imam mazhab berkenaan. Abū Ḥanifah, misalnya ada dua pandangan. Pertamanya, mengecualikan tapak kaki dan keduanya, tidak. Ahmad Ibn Ḥanbal pula ada berbagai riwayat daripadanya. Pertamanya tiada pengecualian langsung, keduanya, mengecualikan muka sahaja, dan ketiganya, sama seperti jumhur mengecualikan muka dan tapak tangan.

Kepelbagaiannya ini akan lebih meluas apabila pandangan-pandangan dalam masing-masing mazhab diambil kira. Bukan semua para ulama mazhab-mazhab berkenaan sependapat dengan pemimpin-pemimpin mazhab mereka. Al-Syaukānī<sup>48</sup> misalnya menyebut sesetengah ulama mazhab Syāfi'i berpendapat semua tubuh wanita itu aurat tanpa apa-apa pengecualian. Al-Qāsim pula ada dua riwayat daripadanya. Riwayat pertama mengecualikan muka dan dua tapak tangan, sementara riwayat kedua pula mengecualikan sama tapak kaki.

Cuma apa yang tidak disebut langsung oleh kitab-kitab Fiqh Perbandingan berkenaan ialah pandangan Ibn 'Abbās, Qatādah dan al-Miswar bin Makhramah yang disebut oleh al-Qurtubī<sup>49</sup> sebagai mengecualikan juga tangan hingga ke separuh lengan. Malah, Ibn Qudāmah<sup>50</sup> menyebut Ibn 'Abbās mentafsirkan bahawa yang dikecualikan itu ialah muka dan dua tapak tangan. Al-Syawkānī<sup>51</sup> pula menyebut Ibn 'Abbās berpendapat tapak kaki dikecualikan.

<sup>46</sup> Al-Syaukānī (1993), *Nail al-Auṭār*. Beirut: Dār al-Jayl, Jld. 2, h. 55.

<sup>47</sup> Al-Dimisyqī (t.t.), *Rahmat Ummah Fī Ikhtilāf al-A'immah* (Dicetak bersama al-Mizān al-Kubrā oleh al-Sya'rānī). Qāhirah: Dār al-Fikr. Jld. 1, hh. 45-46.

<sup>48</sup> Al-Syaukānī (1993), *op.cit.*, Jld. 2, h. 55.

<sup>49</sup> Al-Qurtubī, *op.cit.*, Jld. 12, h. 228.

<sup>50</sup> Ibn Qudāmah, *op.cit.*, Jld. 1, hh. 416-417.

<sup>51</sup> Al-Syaukānī (1993), *op.cit.*, Jld. 2, h. 55.

Apakah ini bererti para fuqaha mazhab telah menolak atau mengenepekan pendapat Ibn ‘Abbās berkenaan? Atau sekurang-kurangnya mengenepekan riwayat al-Qurtubī tentang pandangan Ibn ‘Abbās itu? Kalau demikian, bagaimana pula dengan hadis ‘Aisyah yang disebut oleh al-Qurtubī sebagai asas kepada pandangan Ibn ‘Abbās, Qatādah dan al-Miswar itu?

Merujuk kepada riwayat-riwayat yang mentafsirkan maksud firman Allah “**وَلَا يَدِينَ زَيْنَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا**” seperti mana yang disenaraikan oleh al-Tabarī dalam tafsirnya<sup>52</sup> ternyata bahawa hadis:

لَا يَحِلُّ لِامْرَأَةٍ تَوْمَنْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تَخْرُجَ يَدَهَا إِلَّا إِلَى هَذَا - وَقَبْضُ نَصْفِ النَّدْرَاعِ

sepertimana yang disebut oleh al-Qurtubī dalam tafsirnya itu<sup>53</sup> diriwayatkan oleh Qatādah dan bukan oleh ‘Aisyah. Apa yang diriwayatkan oleh ‘Aisyah ialah satu hadis lain yang berbunyi:

قالت عائشة: دخلت على ابنة أخي لامي عبد الله بن الطفيلي مزينة. فدخل النبي (ص) فأعرض، فقالت عائشة: يا رسول الله إنها ابنة أخي وجارية. فقال: إذا عركت المرأة لم يحل لها أن تظهر إلا وجهها وإنما دون هذا - وقبض على ذراع نفسه، فترك بين قبضته وبين الكف مثل قبضة أخرى.

Yang bermaksud:

“Kata ‘Aisyah: Anak perempuan Abdullah Ibn al-Tufail saudaraku seibus telah datang menemuiku dalam keadaan berhias. Rasulullah s.a.w. yang kemudiannya masuk ke situ tidak mahu melihatnya. Saya lalu berkata: Ya Rasulullah, dia anak saudaraku dan masih muda. Baginda bersabda: Apabila seseorang perempuan itu telah berisi, tidak haram baginya menampakkan kecuali muka dan setakat ini. Baginda memegang lengan baginda sendiri pada jarak setapak tangan daripada tapak tangannya.”

Berasaskan kepada huraihan-huraian dalam kitab-kitab Fiqh Perbandingan di atas ternyata muka dan dua tapak tangan perempuan bukan aurat. Walaupun ada sedikit sebanyak perbezaan pendapat di kalangan para fuqaha dalam masalah ini, tetapi majoriti besar para ulama berpendapat demikian. Tafsiran ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. juga boleh dikatakan jelas mendokong tafsiran yang sederhana ini. Tinggal lagi masalah tapak kaki dan separuh atau satu pertiga lengan. Jawapan

<sup>52</sup> Al-Tabarī, *op.cit.*, Jld. 9, hh. 303-306.

<sup>53</sup> Al-Qurtubī, *op.cit.*, Jld. 12, h. 228.

kepada persoalan ini perlu dilihat daripada kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam kitab-kitab mazhab berkenaan.

Mengenai tapak kaki, seperti mana yang disebut sebelum ini, Ibn Rusyd dan al-Syaūkānī menyebut Abū Ḥanifah dalam satu riwayat daripadanya menyatakan ia bukan aurat. Walau bagaimanapun, pandangan yang disebut sebagai pandangan Abū Ḥanifah ini tidak disebut oleh al-Jassāṣ, iaitu seorang pentafsir ayat hukum yang sangat dihormati dalam mazhab Hanafi.<sup>54</sup>

Huraian mengenai kaki ini dibuat oleh al-Haskafī dalam *Radd al-Mukhtār*.<sup>55</sup> Kata beliau, mengikut qaul yang mu'tamad dua tapak kaki bukan aurat bagi wanita. Mengulas kenyataan ini Ibn 'Abidīn dalam syarahnya<sup>56</sup> menyebut, maksudnya pendapat yang muktamad daripada tiga pendapat yang disaring dalam mazhab Hanafi. Pendapat kedua mengatakan aurat, sementara pendapat ketiga pula mengatakan ia bukan aurat dalam sembahyang, tetapi aurat di luar sembahyang.

Beliau kemudian menyebut perbezaan pendapat di kalangan para fuqaha mazhab Hanafī tentang sebelah bawah tapak kaki. Kata beliau, sebelah atas tapak kaki diterima oleh para fuqaha sebagai bukan aurat. Tetapi perbezaan pendapat berlaku tentang sebelah bawah tapak kaki (باطن القدم).<sup>57</sup>

Dalam *al-Mabsūt*<sup>58</sup> dan *Bādā'i'*<sup>59</sup> perbincangan tentang aurat ini tidak ada. Mungkin kerana itulah al-Zuhailīy dalam bukunya *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*<sup>60</sup> tidak merujuk kepada dua buku utama dalam mazhab Hanafī dan hanya merujuk kepada al-Haskafī dan al-Zailā'i sahaja.<sup>61</sup>

Kedudukan ini tidak memberi kekuatan bagi pandangan yang mengatakan tapak kaki itu bukan aurat untuk tegah. Lebih-lebih lagi Ibnu Qudāmah dalam menolak pandangan berkenaan menyebut ianya bertentangan dengan hadis riwayat Abū Dāūd daripada Ummu Salamah yang berbunyi:

<sup>54</sup> Lihat: al-Jassāṣ, *op.cit.* Jld. 3, h. 460-461.

<sup>55</sup> Al-Haskafī (2000), *Radd al-Muhtar 'Alā al-Durr al-Mukhtār*, dicetak bersama Ibn 'Abidīn. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 96.

<sup>56</sup> Ibn 'Abidīn (2000), *Syarḥ Ibn 'Abidīn*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 96.

<sup>57</sup> Ibn 'Abidīn, *Ibid.*

<sup>58</sup> Lihat: al-Sarakhsī (2001), *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Jld. 1.

<sup>59</sup> Lihat: al-Kasānī (2000), *Bādā'i' al-Ṣanā'i'*. Beirut: Mu'assasah al-Tārikh al-Arabi, Jld. 1 & 2.

<sup>60</sup> Lihat: al-Zuhailīy (1985), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr, Jld. 1.

<sup>61</sup> Lihat: al-Zuhailīy, *op.cit.*, Jld. 1, h. 585.

قلت يا رسول الله أتصلی المرأة في درع وحصار وليس عليها إزار؟ قال: نعم،

إذا كان سابغا يغطى ظهور قدميها (رواه ابو داود)

Yang bermaksud:

*"Saya berkata: Wahai Rasulullah, bolehkah perempuan sembahyang dengan memakai baju labuh dan tudung kepala tanpa memakai kain? Jawab Rasulullah s.a.w.: Ya! Kalau ia cukup labuh sampai menutup dua tapak kakinya".* [Hadis riwayat Abū Daūd]

Satu hadis lain yang hampir sama ialah yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا ينظر اللَّهُ إِلَى مَنْ جَرَّ ثُوبَهُ خِلَاءً. فَقَالَتْ أُمُّ سَلَمَةَ: فَكِيفَ يَضْعُفُ النِّسَاءُ

بِذِيْوَهُنَّ؟ قَالَ: يَرْخِينَ شَيْرًا. فَقَالَتْ: إِذَا تَكْشِفَ أَقْدَامَهُنَّ؟ قَالَ: فَيُرْخِينَهُنَّ

ذِرَاعًا لَا يَزْدَنُ عَلَيْهِ (رواه الترمذى)

Yang bermaksud:

*"Allah tidak (suka) melihat orang yang mengheret pakaianya (yang labuh) dengan penuh megah." Lalu Ummu Salamah berkata: Bagaimana sepatutnya orang perempuan buat dengan hujung (pakaian) mereka? Sabda Rasulullah s.a.w: Mereka perlu melabuhkannya satu jengkal. Kata Ummu Salamah. Kalau begitu tapak kaki mereka akan terdedah. Sabda Rasulullah s.a.w: Kalau begitu mereka perlu melabuhkannya sehasta dan jangan lebih daripada itu".* [Hadis riwayat al-Tarmidhi]

Mengenai lengan pula, tidak ada kitab-kitab fiqh mazhab yang memperkatakannya. Seolah-olah pandangan ini tidak berbangkit sama sekali.

## Pandangan-pandangan Fiqh Semasa

'Abd al-Rahman al-Jaziri dalam *Kitāb al-Fiqh 'Ala al-Madhāhib al-'Arba'ah*<sup>62</sup> hanya menukilkan pandangan-pandangan para fuqaha terdahulu tanpa apa-apa ulasan daripada beliau sendiri. Dalam nukilan tersebut, beliau menyebut aurat wanita ialah semua tubuhnya kecuali muka dan dua tapak tangan, tanpa menyebut apa-apa tentang tapak kaki atau lengan. Malah, tidakpun menyebut pandangan mazhab Ḥanafī tentang kaki.

<sup>62</sup> Al-Jazīrī (t.t.), *Kitāb al-Fiqh 'Ala al-Madhāhib al-'Arba'ah*. Qāhirah: Dār al-Irsyād Wa al-Ta'līf Jld. 1, h. 192.

Pendirian yang hampir sama diambil oleh al-Zuhailī.<sup>63</sup> Seperti biasa, beliau cuma menukilkan pandangan-pandangan para fuqaha terdahulu tanpa apa-apa ulasan lanjut. Dalam ulasan tersebut, beliau menyebut semua pandangan para fuqaha termasuk pandangan mazhab Ḥanafī yang mengecualikan tapak kaki daripada aurat. Walau bagaimanapun, beliau tidak menyentuh tentang lengan, mungkin kerana tidak tersebut dalam kitab-kitab fiqh terdahulu.

Membataskan pengecualian daripada aurat perempuan itu, muka dan dua tapak tangan sahaja dan tidak termasuk tapak kaki dan lengan, sebenarnya kecenderungan terbanyak fiqh semasa. Dalam bukunya *al-Hijāb*,<sup>64</sup> Abū al-A‘lā al-Maudūdī menyimpulkan bahawa berasaskan riwayat-riwayat yang ada, ternyata sekali seluruh badan wanita itu aurat kecuali muka dan dua tapak tangannya. Walau bagaimanapun, kata beliau, berasaskan kepada nas-nas yang ada juga, terdapat kelonggaran bagi para wanita yang sudah melepassi batasan fitnah tarikan hawa nafsu, misalnya mereka yang sudah berumur.

Pendirian yang sama juga dibuat oleh Yūsuf al-Qaradawī. Dalam buku beliau *al-Halāl Wa al-Harām Fi al-Islām*,<sup>65</sup> beliau memilih untuk mentarjih bahawa yang dimaksudkan sebagai “apa yang lahir daripadanya” sepertimana yang tersebut dalam ayat 31 surah al-Nūr itu ialah muka dan dua tapak tangan”. Kata beliau, ini adalah pandangan terbanyak para fuqaha terdahulu. Sebelum membuat kesimpulan berkenaan beliau ada menyebut sepintas lalu pandangan yang mengatakan termasuk sebahagian lengan, malah juga menyebut pandangan yang lebih ketat, iaitu tanpa pengecualian.

Alasan yang diberikan oleh beliau ialah keperluan untuk tidak menutup muka dan tapak tangan itu bagi tujuan urusan hidup harian. Tentang tapak kaki, beliau meminjam kata-kata al-Rāzī dalam tafsirnya yang mengatakan keperluan untuk membukanya tidak sama dengan keperluan bagi muka dan dua tapak tangan. Sebab itulah kata al-Rāzī para ulama berbeza pendapat tentangnya.<sup>66</sup>

Muhammad al-Ghazālī juga nampaknya mempunyai pendirian yang sama. Dalam buku beliau *Qadāyā al-Mar’at*,<sup>67</sup> beliau mengkritik tentang cara berpakaian wanita

<sup>63</sup> Al-Zuhailī (1985), *Al-Fiqh al-Islāmi Wa Adillatuh*. Ed. Ke-2, Jld. 1. Damsyiq: Dār al-Fikr, hh. 579-594.

<sup>64</sup> Al-Maudūdī (t.t.), *al-Hijāb*. Qāhirah: Dār al-Fikr, hh. 272-274.

<sup>65</sup> Al-Qaradawī (1976), *al-Halāl Wa al-Harām Fi al-Islām*. Ed. Ke-10. Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 151.

<sup>66</sup> *Ibid.*, h. 154.

<sup>67</sup> Muhammad al-Ghazālī (1990), *Qadāyā al-Mar’at Bainā al-Taqālid al-Rakidah Wa al-Wafidah*. Qāhirah: Dār al-Syurūq.

zaman sekarang,<sup>68</sup> tetapi mempertahankan pandangan bahawa muka wanita bukan aurat.<sup>69</sup> Dalam buku tersebut beliau tidak pula membincangkan soal kaki dan lengan.

Walau bagaimanapun, terdapat juga para penulis yang secara jelas menyebut kaki juga dikecualikan. Al-‘Aqqad dalam buku beliau *al-Mar’āt Fi al-Qurān*,<sup>70</sup> berkecenderungan untuk memasukkan sama tapak kaki sebagai bukan aurat. Pandangan beliau ini berasaskan *Tafsīr al-Kasyāf*, iaitu yang disifatkan oleh beliau sebagai kitab tafsir yang terkemuka. Mengikut al-Kasyāf, anggota-anggota seperti muka, tapak tangan dan tapak kaki itu adalah anggota badan yang secara semulajadi dan pada kebiasaannya tidak ditutup, kerana perlu digunakan bagi tujuan kehidupan harian. Kerana itu, ia termasuk dalam maksud “apa yang lahir daripadanya”. Khusus mengenai kaki, al-Kasyāf menyebut, ia perlu dibuka bagi tujuan untuk berjalan, terutama di kalangan mereka yang miskin.

Kata al-‘Aqqad lagi, antara para *mufassirin* semasa yang menyokong pandangan ini ialah Tantawi Jauhari dalam tafsirnya *Tafsīr al-Jauhārī*. Dalam tafsir tersebut, beliau menyebut tapak kaki bersama muka dan tapak tangan sebagai anggota yang perlu dibuka bagi tujuan urusan hidup harian.<sup>71</sup>

Mengulas tafsir-tafsir tersebut beliau sendiri kemudiannya membuat kesimpulan bahawa bukanlah tujuan Islam untuk mengurung atau mengongkong kehidupan perempuan. Apa yang menjadi tujuan sebenar Islam ialah untuk menjaga maruah perempuan itu sendiri.<sup>72</sup>

Muhammad Izzat Daruzah dalam buku beliau *al-Mar’āt Fi al-Qurān Wa al-Sunnah*<sup>73</sup> membangkitkan soal pergaularan antara lelaki dan perempuan yang bersih daripada pengaruh nafsu syahwat. Kata beliau, adalah penting sesudah mengambilkira semua ayat dan hadis yang memperkatakan tentang aurat, *hijab* dan merendahkan pandangan (*Ghadd al-Baṣar*) ini untuk menegaskan keperluan pergaularan yang bersih daripada dorongan hawa nafsu seks di antara lelaki dan perempuan. Ia perlu berlaku secara terbuka dan bukannya dalam bentuk berkhalwat atau terhad. Tegas beliau lagi, bukanlah menjadi tujuan Islam untuk memaksa satu fesyen pakaian tertentu sahaja bagi

<sup>68</sup> *Ibid.*, h. 192.

<sup>69</sup> *Ibid.*, h. 162.

<sup>70</sup> Al-‘Aqqad (t.t), *al-Mar’āt Fi al-Qurān*. Qāhirah: Nahḍat Miṣr, hh. 59-60.

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 61.

<sup>73</sup> Muhammad Izzat Daruzah (1985), *Al-Mar’āt Fi al-Qurān Wa al-Sunnah*, ed. ke-2. Damsyiq: Dār al-Jayl, h. 257.

wanita di sepanjang zaman kerana fesyen pakaian sentiasa terdedah kepada perubahan selera dari masa ke semasa. Apa yang penting ialah keperluan kepada pakaian yang bermaruah.

Sehubungan dengan dasar umum ini, beliau menyebut hadis-hadis ‘Aisyah yang disebut oleh al-Tabari tentang separuh lengan yang dikatakan dikecualikan daripada aurat. Bagaimanapun, beliau tidak mengulas lanjut tentang hadis-hadis tersebut kecuali berkata ada beberapa hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabari mengenai hal demikian.<sup>74</sup>

Seorang lagi ilmuan Islam zaman sekarang yang menyentuh tentang aurat wanita ialah Wahiduddin Khan, seorang cendiakawan Islam terkenal di India. Dalam buku beliau *al-Mar’āt Bainā Syāri’at al-Islām Wa al-Hadārah al-Gharbiyat*<sup>75</sup> (terj.) Wahiduddin Khan sesudah membentangkan tafsiran-tafsiran beberapa ulama Islam semasa seperti al-Albānī<sup>76</sup> dan al-Šabūnī<sup>77</sup> telah menukilkhan pandangan al-Syaikh Syabir Ahmad al-‘Uthmānī<sup>78</sup> tentang masalah yang sama. Dalam getusan tersebut, beliau menyebut al-‘Uthmānī berkata hadis dan athar menunjukkan muka dan dua tapak tangan adalah anggota-anggota badan yang dikecualikan daripada aurat. Sebabnya ialah kerana keperluan hidup dan keagamaan yang banyak yang tidak boleh dilaksanakan oleh para wanita kalau sekiranya mereka perlu menutup semua badan mereka. Dalam tafsiran itu juga, Wahiduddin al-Uthmānī menyebut para ulama terdahulu juga menggunakan kaedah qiyas untuk menyamakan kaki dengan muka dan tapak tangan.<sup>79</sup>

‘Abd al-Karīm Zaidān pula dalam bukunya *al-Mufassal Li Akhām al-Mar’āt*,<sup>80</sup> telah membentangkan pandangan-pandangan para fuqaha tentang aurat dan dalil-dalil mengenai hadnya, termasuk perbezaan pendapat tentang tapak kaki. Beliau kemudian menukilkan pandangan-pandangan Ibn al-Ḥumām<sup>81</sup> dan al-Babartī<sup>82</sup> untuk mempertegaskan bahawa kaki bukannya aurat. Kata beliau: Boleh dikatakan, menutup

<sup>74</sup> *Ibid.*

<sup>75</sup> Wahiduddin Khan (1994), *al-Mar’āt Bainā Syāri’at al-Islām Wa al-Hadārah al-Gharbiyah*. Qāhirah: Dār al-Šahwah, h. 285.

<sup>76</sup> Al-Albānī (1389H), *Hijāb al-Mar’āt al-Muslimah Fī al-Kitāb Wa al-Sunnah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 122.

<sup>77</sup> Al-Šabūnī (1980), *Rawā’i’ al-Bayān*. Jld. 2. Beirut, h. 155.

<sup>78</sup> Al-‘Uthmānī (1950), *al-Tafsīr al-Uthmānī*. Bangor, h. 458.

<sup>79</sup> Wahiduddin, *op.cit.*, h. 286.

<sup>80</sup> ‘Abd al-Karīm Zaidān (1997), *al-Mufassal Li al-Akhām al-Mar’āt Wa al-Bait al-Muslim Fī al-Syāri’ah al-Islāmiyah*. Jld. 1. Beirut: Mu’assasat al-Risālah, hh. 190-191.

<sup>81</sup> Ibn al-Ḥumām (t.t.), *Syarḥ Faṭḥ al-Qādir*. Jld. 1. Qāhirah: al-Ḥalabī, h. 181.

<sup>82</sup> Al-Barbatī, *al-Ināyah ‘Alā al-Hidāyah*, dicetak bersama *Syarḥ Faṭḥ al-Qādir* di atas, Jld. 1, h. 181.

dua tapak kaki dalam sembahyang bukannya wajib, tetapi sunat. Oleh kerana itu dua tapak kaki bukanlah aurat yang mesti ditutup. Pandangan ini diperkuuhkan oleh keperluan membuka dua tapak kaki apabila berjalan tanpa berasas kaki. Selain daripada itu, berbanding dengan muka, kaki tidak begitu membangkitkan nafsu. Maka, kalau muka bukan aurat apatah lagi kaki.

## **Penutup**

Ternyata daripada keterangan-keterangan di atas bahawa penutupan aurat itu adalah wajib dan tidak ada siapa dari kalangan para ulama yang menafikannya. Ini berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang jelas.

Apa yang menjadi persoalan ialah batas-batas aurat itu sendiri. Dalam masalah ini, para fuqaha berbeza pendapat. Paling ketat ialah pendapat yang mengatakan semua tubuh wanita itu aurat tanpa kecuali. Walau bagaimanapun, pendapat ini tidak popular. Ia hanya diterima oleh beberapa golongan yang sedikit sahaja. Paling ramai ialah mereka yang mengecualikan muka dan tapak tangan. Di samping itu, ada pandangan minoriti yang mengecualikan sama tapak kaki dan ada yang mengecualikan sebahagian daripada lengan.

Perbezaan pendapat ini berlaku kerana para fuqaha berbeza pendapat tentang maksud “perhiasan yang biasa terdedah” sebagaimana yang terdapat dalam ayat 31 surah al-Nur ”**وَلَا يَدِينٌ زِيَّتُهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهُ**“ Persoalannya apakah yang dimaksudkan dengan “perhiasan” (*Zinah*) itu? Dan apakah pula yang dimaksudkan dengan “yang biasa terdedah”?

Mengenai maksud perhiasan (*Zinah*) para fuqaha membahagikan perhiasan itu kepada dua jenis. Pertamanya, perhiasan yang bersifat semula jadi, iaitu tubuh mereka sendiri. Keduanya, perhiasan yang bersifat ciptaan manusia, iaitu pakaian dan sebagainya. Konsep nampak juga dibahagikan kepada dua. Pertamanya, ternampak disebabkan oleh pergerakan manusia sendiri atau akibat persekitaran, seperti ditiup angin. Keduanya ialah nampak kerana dibiarkan terdedah.

Sebahagian daripada mereka yang berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan perhiasan itu ialah perhiasan ciptaan manusia, berpendapat yang dimaksudkan dengan perhiasan yang biasa nampak atau terbuka itu ialah pakaian luar wanita berkenaan, seperti kain, baju dan sebagainya. Sebahagian daripada mereka pula berpendapat ia adalah barang-barang perhiasan tubuh yang biasa nampak pada tubuh wanita itu, seperti celak, cincin dan gelang tangan. Walau bagaimanapun, oleh kerana alat-alat perhiasan seperti itu dibenarkan terdedah, maka dengan sendirinya bahagian tubuh manusia yang menjadi tempat barang-barang itu dipakai juga boleh terdedah.

Bagi mereka yang berpendapat, yang dimaksudkan dengan perhiasan itu ialah perhiasan tabi'i, mereka berpendapat bahagian anggota perempuan yang biasanya terdedah atas keperluan hidup dan agama. Berasaskan dalil-dalil yang ada mereka merumuskan muka dan dua tapak tangan sebagai dikecualikan daripada aurat wanita. Namun, terdapat kalangan mereka yang berpendapat dikecualikan juga tapak kaki dan ada berpendapat termasuk juga sebahagian daripada lengan.

Tafsiran-tafsiran ini berasaskan kepada hadis-hadis Rasulullah s.a.w. Sepertimana yang disebut di atas, terdapat berbagai-bagai hadis dalam masalah ini, dan semuanya boleh dijadikan asas kepada pentafsiran berkenaan.

Adalah menjadi suatu kebaikan dalam Islam perbezaan pendapat itu berlaku. Ia merupakan suatu gejala yang memperkuuhkan nilai fleksibiliti (*Murūnah*) hukum Islam. Dalam keadaan-keadaan yang selesa, lengan dan tapak kaki perlu ditutup. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang memerlukan bagi tujuan urusan hidup ia sepatutnya boleh dibuka atas dasar keperluan. Sebagaimana maklum keperluan bukannya darurat. Antara kedua-duanya ada perbezaan yang jauh.

Selain itu, umat Islam juga boleh memilih pendirian yang mana yang mereka mahu. Paling konservatif mereka hanya akan membuka muka dan dua tapak tangan sahaja dalam keadaan mana sekalipun. Kalau dia memilih untuk bersikap liberal, dia boleh juga membuka tapak kaki atau separuh lengan kalau perlu. Di kalangan para sahabat sendiri sikap-sikap yang berbeza ini sentiasa ada. Semuanya diperakukan oleh Rasulullah s.a.w. selagi dalam kerangka pentafsiran yang munasabah.

Bagi tujuan memberi fatwa, para mufti dinasihatkan oleh para ulama besar bahawa fatwa jangan sahaja dilihat dari perspektif teori hukum, tetapi juga sama ada ia dapat menyelesaikan masalah masyarakat atau sebaliknya.